

## MPN yakin pemulihan ekonomi kembali rancak

Oleh Noor Atiqah Sulaiman - April 15, 2022 @ 6:51pm  
bhnews@bh.com.my



Suasana Balai Pelepasan Domestik dipenuhi penumpang ketika tinjauan di KLIA. - NSTP / HAIRUL ANUAR RAHIM

SEPANG: Prose pemulihan ekonomi yang masih perlahan selepas pembukaan sempadan negara pada 1 April lalu, dijangka kembali rancak seperti sedia kala dalam tempoh beberapa bulan ke hadapan.

Keyakinan itu disuarakan Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang percaya usaha perlu terus dilakukan untuk mempermudah lagi pelabur, pelawat dan pengunjung supaya proses pemulihan dapat dipercepatkan lagi.

Beliau mengakui, setakat ini walaupun pintu sempadan sudah dibuka ekonomi negara masih bergerak perlahan tidak seperti dijangkakan kerajaan sebelum ini.

"Jangkaan akan ambil masa juga untuk situasi pulih seperti dahulu, mungkin lebih setahun atau kurang. Tetapi ini permulaan yang baik dan kita yakin apabila situasi sempadan dibuka sepenuhnya, apa kita harapkan proses pemulihan ekonomi lebih rancak dan cepat.

"Sekarang dah mula (proses pemulihan), tapi tak serancak yang kita kehendaki kerana sempadan dulu ditutup dan bila dibuka, aktiviti ekonomi bertambah.

"Pelawat, pelabur dan pengunjung datang dan percepatkan proses pemulihan ekonomi negara, jadi kita harap segala langkah perlu diambil untuk dipermudahkan lagi," katanya selepas mengadakan tinjauan operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Dalam pada itu, beliau berharap prosedur operasi standard (SOP) untuk kemasukan pelancong di negara ini dapat dipermudahkan, seterusnya membantu meningkatkan kemasukan pelancong di negara ini.

"Antara perkara dibangkitkan dalam mesyuarat semalam, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan pembukaan sempadan dengan Singapura tidak banyak kerendah berkaitan SOP COVID-19.

"Jadi saya harap, perkara sama dapat dilakukan di negara ASEAN lain seperti Indonesia dan Thailand. Ia disebutkan sebagai '*Mutual Recognition Arrangement*' (Aturan Pengiktirafan Bersama) iaitu jika di negara ini tidak perlu membuat ujian (saringan seperti RT-PCR), maka di negara berkenaan juga tidak perlu diadakan ujian.

"Jadi pelawat dari sumber mana pun dia datang, dia akan rasa lebih senang untuk memasuki negara ini," katanya.

Muhyiddin berkata, pelancongan adalah satu sektor penting dalam negara ini dan setiap tahun kemasukan pelancong luar negara ini menyumbang RM80 billion kepada negara, manakala untuk pelancongan domestik pula menyumbang sebanyak RM30 billion.